



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 18.

RABU 16 SEPTEMBER, 1964. 1384 جماد الاول 10 دايو

PERCHUMA

## DYMM MENGURNIAKAN PINGAT2

*Dan Bintang2 Kebesaran*

*Di-Istana Darul Hana*

BANDAR BRUNEI. — Satu istiadat mengurniakan Pingat2 dan Bintang2 Kebesaran oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada malam 7 September, 1964.

Penasihat Ugama dan Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh telah di-kurniakan gelaran Dato Seri Paduka Mahkota Brunei.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof telah di-kurniakan gelaran Darjah Kerabat Yang Amat di-Hormati, Darjah Kedua.

Gelaran Seri Mahkota Brunei, Darjah Ketiga telah di-kurniakan kapada Yang di-Muliakan Pehin Jawatan Luar Awang Haji Abdullah bin Awang Ibrahim dan juga kapada Yang di-Muliakan Pehin Seri di-Raja Awang Haji Abdullah bin Awang Mohammed.

Gelaran Pekerma Setia Brunei, Darjah ke-empat, telah di-kurniakan kapada Yang di-Muliakan Pehin Seri Wangsa Awang Haji Mohamed bin Ahmad. Orang2 Melayu yang lain yang telah di-kurniakan Pingat2 oleh Duli Yang Maha Mulia di-istiadat ter-

sebut ada-lah seperti berikut : Pingat Omar Ali Saifuddin, Darjah Pertama, di-kurniakan kepada Pengiran Bakar bin Pengiran Mohammed dan Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammed.

Pingat Omar Ali Saifuddin, Darjah Kedua di-kurniakan kepada Awang Ibrahim bin Abdul Rahman dan Pengiran Kamaludin bin Pengiran Haji Metassan.

Pingat Kebaktian di-kurniakan kapada Awang Abdullah bin Haji Ja'afar dan Pengiran Tuah bin Pengiran Omar.

Pingat lama dalam pekerjaan di-kurniakan kapada Awang Sabtu bin Ahmad, Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Apong Awang Chuchu bin Awang Hussein, Pengiran Haji Randah bin Pengiran Mogul dan Awang Majid Khan bin Abdul Khan.

Pingat Pulis di-kurniakan kepada Sarjan Awang Abdul Hamid bin Mat.

Sementara itu, di-kalangan orang2 yang bukan Melayu yang telah di-kurniakan Pingat2 dan Bintang2 Kebesaran oleh Duli



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini mengurniakan Bintang Kebesaran, Dato Seri Paduka Mahkota Brunei kapada Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh di-Istana Darul Hana pada malam 7 September, 1964.

Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-istiadat yang telah dilangsangkan di-Istana Darul Hana pada malam 7 September, 1964 ia-lah :

Gelaran Dato Paduka Mahkota Brunei Darjah Kedua — Setia Usaha Sulit kapada Pesruoh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Awang William John Parks.

Gelaran Perwira Agong Negara

Brunei, Darjah Ke-empat — Awg. S.M. Stephens dan Awang Michael Mar Shui Ching.

Gelaran Setia Negara Brunei, Darjah Ketiga — Pegawai Kewangan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee dan Awang I.R.S. Robertson.

Gelaran Pekerma Jaya Brunei, Darjah Ke-empat — Inspektor Chua Kong Leng dari Pasukan Pulis Brunei.

Pingat Omar Ali Saifuddin, Darjah Kedua — Doktor P.H. de V. Hart dan Awang Alfred Christopher Patterson-Hyde.

Pingat Kebaktian — Pegawai Kewangan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee; Awang R.T. Lloyd Dolbey, Awang Wu Lin Shui dan Awang Paul Carson.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan juga telah mengurniakan Bintang2 Kebesaran kapada dua orang perempuan2 Inggeris, ia-itu Dayang H.E. Lloyd Dolby dan Dayang W. Dixon Lennet.

Dayang Dolbey telah di-kurniakan gelaran Seri Mahkota Brunei Darjah Ketiga, manakala Dayang Dixon Lennet pula di-kurniakan gelaran Pekerma Setia Brunei. Darjah Ke-empat.

### D.Y.M.M. Melawat Ulu Belait

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melawat ka-Ulu Belait dengan menaiki sa-buah helikoptar kepunyaan Angkatan Udara Di-Raja Inggeris pada 1 September, 1964.

Baginda telah di-iringi oleh Pengarah Gerakan2 di-Wilayah Borneo, Major General Dato W.C. Walker; Pemangku Pesruoh Jaya Pulis Negeri Brunei, Awang Slater dan Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel Fletcher.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan mulai me'awat Kuala Belai. Di-sana Baginda telah di-sambut oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Pegawai Pemerintah Pasukan Pulis Daerah Belait, Awang Reynolds. Kemudian Baginda telah me-

merekusi sa-pasukan Askar Melayu Brunei dan berchakap dengan beberapa orang parajurit.

Duli Yang Maha Mulia telah berada di-Kuala Belai selama 45 minit.

Sa-lepas itu Baginda dan rombongan telah melawat ka-Bukit Sawat, Malilas dan Labi.

Semasa lawatan tersebut Duli Yang Maha Mulia telah menerima wakil2 penduduk di-Ulu Belait, sambil berso'al jawab berkenaan dengan hal ehwal yang bersangkutan paut dengan kehidupan penduduk2 kampong2 di-kawasan itu.

### PEMBUKAAN RASMI MESJID MUHAMMAD JEMALUL ALAM

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-jadual akan membuka dengan rasmi-nya Mesjid baru di-Pekan Kuala Belait pada hari Juma'at 25 September, 1964.

Mesjid yang baru itu akan di-namakan "MESJID MUHAMMAD JEMALUL ALAM" dan akan menggantikan Mesjid lama yang letak-nya tidak jauh dari Mesjid tersebut.

Maka dengan terbukanya Mesjid Muhammad Jemalul Alam, maka lebuh ramai lagi umat Islam akan ber-jema'ah di-Mesjid itu.

## PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 di-Negeri Brunei yang ingin menunaikan fardhu Haji dalam tahun 1965, akan tetapi mereka belum-lah lagi mendaftarkan nama masing2 dan sebagai-nya, ada-lah diminta menghantarkan permohonan mereka ka-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei dengan seberapa segera.

Tarikh akhir bagi menerima pendaftaran tersebut ia-lah hari Isnin 21 September, 1964. Permohonan2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak-lah akan di-terima oleh Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.



**Samalindang** — Tarian Brunei Asli, Di-tarikan oleh Puteri-Puteri. Perlahan-lahan rentak-nya kaki, Mengayonkan tangan — kanan dan kiri. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang Ahli2 Jawatan Kuasa "Malam Gembira" anjuran Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, mempersembahkan tarian Samalindang di-temasha "Malam Gembira" P.P.B. di-U.K. di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei baharu2 ini.

Gambar—Awang Md. Zain Haji Bakar.

## "MALAM GEMBIRA" P.P.B. DI-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mempersembahkan "Malam Gembira" di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam2 4 dan 5 September, 1964 dengan memperolehi sambutan2 yang baik.

Pengarah Bahagian Bahasa

## P. D. Belait Menyampaikan Sijil2 Dewasa Kapada Penuntut2 Bukan Melayu

SERIA. — Satu upacara menyampaikan Sijil2 kapada 15 orang penuntut2 Darjah2 Dewasa Bukan Melayu di-Seria dan Kuala Belait yang telah lulus dalam peperiksaan Tingkatan III pada tahun 1963 telah di-langsungkan di-Dewan Tunas Harapan, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada petang hari Sabtu 12 September, 1964.

Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Penuntut2 tersebut kesemua-nya orang2 China belaka, mengandungi 4 orang perempuan ia-itu 2 orang dari Seria dan 2 orang dari Kuala Belait dan 11 orang lelaki.

Penuntut2 dari Seria yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut ia-lah Awang Benjamin Yapp, Awang Ng Chen Yew, Awang Wong Teck Liang, Awang Peter Phan, Dayang Lim Chui

Eng dan Dayang Lau Swee Hua. Penuntut2 dari Kuala Belait ia-lah Awang T. Liew Thian Khon, Awang Teo Ah Chok, Awang Joseph Lee, Awang Stanley Cheong, Awang Chong Hock Joh, Awang Low Joon Poh, Awang Ng Chen Kee, Dayang H. Liew Ming Choo dan Dayang Rose Yapp.

### SUAMI-ISTERI

Di-antara penuntut2 tersebut ia-lah sa-pasangan suami-isteri, ia-itu Awang Liew Thian Khon dan isteri-nya Dayang Liew Ming Choo.

Sa-belum Sijil2 Darjah2 Dewasa itu di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin kapada penuntut2 yang berkenaan, uchapan2 telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Jawatan Kuasa Penyampaian Sijil Darjah2 Dewasa, Awang Abdi Manaf bin Abu Bakar; Wakil penuntut2 tersebut, Awang Benjamin Yapp (berumor 51 tahun); Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin; dan oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Pancharam Persekutuan Guru2 Melayu, Brunei, dibawah pimpinan Chegu Mohamed Sum bin Hashim telah menghiborkan hati para hadhirin di-majlis tersebut dengan mempersembahkan lagu2 yang disukai ramai:

Di-samping itu, Biduan2 dan Biduanita2 Pancharam P.G.G.M.B. telah mengalonkan suara mereka yang lemak-merdu di-majlis tersebut.

Para hadhirin juga telah menyaksikan persembahan nyanyian2 dan tarian2 yang berchorak Kebudayaan Melayu oleh

murid2 dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Sa-lepas Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa kapada penuntut2 yang berjaya itu, Jawatan Kuasa Penyampaian Sijil Darjah2 Dewasa tersebut telah menghadiahkan sa-buah Chenderamata kapada Pengiran Momin.

Kemudian Dayang Lim Chui Eng telah menyampaikan sa-buah Chenderamata bagi pehak penuntut2 dari Seria yang telah lulus Peperiksaan Tingkatan III tahun 1963 kapada Guru mereka, Chegu Md. Yassin bin Haji Ahmad; manakala Awang Chong Hock Joh pula telah menyampaikan sa-buah Chenderamata bagi pehak penuntut2 dari Kuala Belait yang telah lulus peperiksaan tersebut kapada Guru mereka, Chegu Abdullah bin Ali Hashim.

## "JALAN GELAP YANG AGONG"

BERAKAS. — Sa-buah Tablo bertajok, "JALAN GELAP YANG AGONG" oleh penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei akan di-persembahkan sebagai satu salingan di-temasha Sandiwara Pentas di-Padang Besar Bandar Brunei bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada malam 24 September.

Tablo tersebut ada-lah hasil karya Abdul Latif Chichu dan akan di-arahkan oleh Aspawi Latif.

Tablo itu membayangkan manusia yang berjiwa tinggi dan tidak memperchayai segala2-nya yang ada di-sekeliling yang diciptakan oleh Tohan Yang Maha Asa, malahan manusia itu memperchayai diri-nya sendiri sahaja.

Apa-kah kesudahan-nya yang akan terjadi kapada diri manusia itu? Saksikan-lah persembahan Tablo "Jalan Gelap Yang Agong" itu di-Padang Besar, Bandar Brunei pada malam 24 September.

## Kerajaan Brunei Hadiah \$3,000 Kepada Kolej Islam

KLANG. — Kerajaan Brunei telah menghadiahkan wang sebanyak \$3,000 kapada Kolej Islam Sa-Malaya di-Klang, Selangor sa-bagi bantuan terhadap derma bangunan baru maktab tersebut.

Hadiyah itu telah di-sampaikan oleh Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin kepada Pengetua, Kolej Islam Sa-Malaya. Doktor Abdul Rauf di-Maktab tersebut baharu2 ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin

telah menemui penuntut2 dari Brunei yang melanjutkan pelajaran mereka di-Maktab tersebut.

Beliau juga telah menemui penuntut2 dari Brunei yang melanjutkan pelajaran di-Madrasah Al-Junied, Singapura pada masa beliau melawat ka-Singapura baharu2 ini.

## MELAWAT

### BRUNEI

BERAKAS. — Konsol Negeri Jarman di-Singapura, Doktor George Massion telah melawat ka-Negeri Brunei selama dua hari baharu2 ini.

Beliau telah di-temui di-Lapanan Terbang, Brunei oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib

Awang Haji Umar telah membuka dengan rasmi-nya temasha tersebut pada malam pertama.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim pula telah merasmikan pembukaan temasha itu pada malam ke-dua.

Berbagai2 achara yang menarik hati telah di-persembahkan di-temasha tersebut, di-antaranya ia-lah tarian2 berchorak kebudayaan Melayu; nyanyian2 suka-ramai; lawak-jenaka dan lain2-nya.

Selain dari itu juga telah di-adakan Peraduan2 Sharahan, Membacha Sajak dan Nyanyian2 terbuka kapada orang2 dewasa dan kanak2 lelaki serta perempuan di-temasha tersebut.

# Y. B. AWANG HAJI JAMIL MENASEHATKAN PENUNTUT2 BUKAN MELAYU SUPAYA TERUS BELAJAR BAHASA MELAYU

SERIA. — Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar telah menasihatkan penuntut2 bukan Melayu yang telah lulus dalam Pepereksonan Bahasa Melayu Tingkatan III pada tahun 1963 supaya mereka “belajar dan terus belajar” Bahasa Melayu, sunggoh pun mereka telah lulus dalam peperceraan tersebut.

Beliau telah melafadzkan nasehat tersebut ketika memberi uchapan di-majlis menyampaikan Sijil2 Darjah2 Dewasa oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail kepada penuntut2 bukan Melayu di-Seria dan Kuala Belait yang telah lulus Pepereksonan Tingkatan III tahun 1963, di-Dewan Tunas Harapan, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada petang hari Sabtu yang lalu.

Dalam uchapan beliau yang berharga itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah menarek perhatian para hadirin sekalian terhadap kemajuan Bahasa Melayu yang pada masa ini menjadi Bahasa Rasmi, Negeri Brunei Darus Salam.

Di-samping itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah menyeru kepada semua orang dari segala bangsa di-negeri ini supaya menggunakan Bahasa Melayu di-sebarang lapangan pada sa-tiap hari, kerana dengan hal yang sa-demikian maka Bahasa Melayu akan berkembang-lah dengan semerbak selama2nya.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail ketika memberi uchapan di-majlis tersebut, telah mengucapkan tahniah kepada penuntut2 yang telah berjaya dalam manghadapi ujian Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi di-negeri ini.

“Saya mempunyai kepercayaan yang penoh bahawa penuntut2 yang maseh belum lulus atau sedang meneruskan pelajaran-nya dalam Bahasa Melayu ini akan mempunyai hasrat dan chita2 yang sama dengan penuntut2 yang telah lulus pada petang ini dan ada-lah menjadi harapan kita sa-moga bilangan penuntut2 yang lulus pada masa akan da-

## Pegawai2 P.G.G.M.B. Melawat Padang Minyak

SERIA. — Beberapa orang Pegawai2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah melawat kawasan Padang Minyak baru2 ini atas jemputan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Pada masa lawatan itu, Pegawai2 P.G.G.M.B. tersebut telah di-bawa melawat ka-beberapa tempat dan menyaksikan tayangan wayang gambar.

tang akan berganda2 lagi hendaknya,” kata beliau.

Pengiran Momin telah menguchapkan terima kasih kepada pehak Jabatan Pelajaran, khas-nya kepada Pengarah, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar atas usaha beliau yang sangat2 di-hargai

kerana mengambil berat dalam soal memperkembangkan Bahasa Melayu — Bahasa Ibunda kita yang di-chintai, yang bukan hanya untuk orang2 Melayu sahaja malah juga untuk orang2 yang bukan Melayu.

Selanjutnya beliau menegaskan bahawa sebagai mana yang kita ketahui peluang mempelajari Bahasa Melayu dengan perchuma ini akan sentiasa terbuka kapada penduduk2 yang bukan Melayu, selagi orang2 yang bukan Melayu itu memberi sambutan yang me-muaskan.

Dengan hal tersebut, beliau ingin menasihatkan sa-moga peluang yang baik itu tidaklah ha-nya di-sia2kan.

“Ada-lah menjadi kebanggaan kapada saya bahawa orang2 yang bukan Melayu di-negeri ini boleh

berchakap dan menulis Bahasa Melayu dengan fasih sebagaimana juga orang2 Melayu yang terpelajar.

“Se secara tidak langsung, dapatlah kita membuktikan bahawa penuntut2 yang bukan Melayu, sama-ada yang telah lulus mahu pun di-sabalek-nya, mempunyai perasaan chintakan Bahasa Melayu dan Negara Brunei kerana Perlembagaan Negeri Brunei telah mengakui yang Bahasa Melayu itu ada-lah Bahasa Rasmi bagi negeri ini.

“Di-samping itu juga mereka tidak mahu ketinggalan oleh saudara2 mereka orang2 Melayu sendiri dalam mempelajari bahasa itu.

“SEMANGAT yang saperti ini lah hendak-nya berada di-jiwa masing2 sa-moga bahasa yang kita agong2kan itu tetap menjadi ke-agongan bagi seluroh penduduk di-negeri ini, mahu pun di-ne-gara2 di-sekitar-nya”, kata lagi Pengiran Momin.

## Sandiwara Pentas Sambutan

### Hari Jadi D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — “Ber-tukar Kaseh” — demikian nama tajok sandiwara pentas yang akan di-persembahkan oleh para pelakon tempatan di-Padang Besar Bandar Brunei pada malam 24 September, ia-itu sebagai satu dari achara2 sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Lakonan tersebut di-karang dan akan di-arahkan oleh M. Shariff Naweh yang juga menjadi Timbalan Pengurus, Bahagian Sandiwara Pentas, Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan di-Bandar Brunei.

Junaidi O.K.S.N. Md. Safar akan bertugas sebagai Penolong Pengarah sandiwara tersebut.

“Bertukar Kaseh” ia-lah sa-buh kesah masharakat dan membayangkan bagaimana chinta di-kemudian dan keta’atan sa-orang pemuda terhadap ibunya sahinggakan ia tergamak memusnahkan janji2nya terhadap sa-orang gadis kota yang “tertambat di-hati-nya”.

Cherita tersebut ada-lah rekaan semata2 dan tidak-lah kena mengena dengan sa-barang orang yang sudah meninggal dunia atau pun yang maseh hidup lagi.

Selain dari itu, berbagai2 achara akan di-selangi di-temasha tersebut, antara-nya ia-lah sa-buh Tablo oleh penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei; tarian2 oleh anggota2 Badan Seni Budaya Kebangsaan, Gabungan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei dan lain2nya.



Yang Berhormat Awang Arshad bin Marsal (kanan) kelihatan menyampaikan Sijil kapada sa-orang petani yang telah tamat menghadiri Kursus Pertanian baharu2 ini.

## 6 Orang Lagi Petani2 Tamat Kursus Pertanian

KILANAS. — Satu upachara menyampaikan Sijil2 kapada 6 orang petani2 yang telah tamat menghadiri kursus pertanian selama dua bulan telah di-adakan di-Pusat Penchubaan Tanam2an, Kilanas pada pagi 5 September, 1964.

Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Awang Hamidoon bin Awang Damit dan oleh Yang Berhormat Awang Arshad bin Marsal, sa-orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Petani2 tersebut mengandungi 2 orang dari Daerah Brunei, 2 orang dari Daerah Tutong dan 2 orang dari Daerah Temburong telah mendapat berbagai2 latehan mengenai hal ehwal pertanian, semasa mereka menghadiri kursus pertanian itu.

Hingga ka-hari ini sa-jumlah 72 orang dari semua daerah dalam Negeri Brunei telah tamat menghadiri Kursus Pertanian semenjak kursus itu di-mulai beberapa bulan dahulu.

Uchapan2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Pertanian Negara,

Brunei, Yang Berhormat Awang Hamidoon bin Awang Damit dan oleh Yang Berhormat Awang Arshad bin Marsal di-majlis tersebut.

Beliau2 itu telah menguchapkan tahniah kapada petani2 yang telah tamat menghadiri kursus pertanian tersebut dan berharap agar-nya mereka tidak akan lupa segala2nya yang mereka telah mempelajari dan akan memberi pertolongan kapada penduduk2 di-kampung masing2 berkenaan dengan ilmu pertanian pada sa-tiap masa.

Sementara itu kursus pertanian yang baharu telah di-mulai pada 6 September.

Delapan orang akan menjalani kursus itu selama dua bulan.

# Y. A. B. MENTERI BESAR BRUNEI MELAWAT KHEMAH TAHANAN

**BERAKAS.** — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah melawat ka-Khemah Tahanan Berakas baharu2 ini dan beliau sendiri telah menyaksikan bagaimana keadaan orang2 tahanan itu menjalani rancangan2 pemulihuan di-khemah tersebut.

Kebanyakan orang ramai berfikir dan berbisek2 antara satu sama lain bahawa kehidupan orang2 tahanan di-khemah tahanan itu sangat2 menduka-chitakan, terutama sekali tentang layanan yang di-berikan kepada mereka. Pendapat2 itu ada-lah berlawanan dengan hal yang sa-benar-nya.

Ada beberapa orang lagi dalam Khemah Tahanan Berakas yang belum di-bebasan. Mereka itu telah di-tahan berikut dengan pemberontakan derhaka dalam bulan Disember 1962 kerana mengambil bahagian atau terlibat dalam gerakan hendak menggulingkan kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Saperti yang kita ketahui pembebasan orang2 tahanan itu telah pun di-ikhtiarakan oleh Kerajaan dan hasil-nya ia-lah pada masa ini hanya tinggal sabilangan kecil sahaja dari jumlah yang di-tahan di-Khemah Tahanan Berakas.

Orang2 yang maseh di-tahan itu ada-lah pemimpin2 apa yang di-katakan 'Tentera Nasional Kalimantan Utara' yang melakukan penderhakaan dan menyebarkan keadaan Brunei dalam tahun 1962 dan 1963 dalam re-sah dan gelisah.

Tentera Nasional Kalimantan Utara itu ia-lah suatu alat Partai Ra'ayat Brunei yang telah ditubuhkan sa-chara haram untuk merampas kuasa pemerintahan dengan membelaikan Perlembagaan Negeri. Itu-lah sebab-nya Partai Ra'ayat Brunei dan T.N.K.U. itu telah di-haramkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

## KEBAJIKAN RA'AYAT

Dalam tahun2 tersebut banyak rancangan2 kemajuan negara untuk kebajikan ra'ayat telah tergenda perlaksanaan-nya dan Kerajaan terpaksa mengadakan peruntukan perbelanjaan untuk memulihkan ketenteraman negeri seperti sedia kala atau seperti keadaan sa-below penderhakaan itu.

Walau pun nasib Brunei pada waktu itu sama-lah saperti pemborong yang menghadapi kerugian besar, tetapi tampok pemerintahan yang di-pimpin oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin sentiasa tegoh dengan chita2 untuk kebahagiaan ra'ayat dan negara dan keadaan waktu itu disifatkan oleh Kerajaan sa-bagi suatu 'keliruan' yang perlu dihapuskan supaya ra'ayat tidak terpengaroh oleh anasir2 jahat Partai Ra'ayat Brunei.

Untuk memulihkan keliruan itu, Kerajaan telah berusaha dengan sa-daya upaya-nya mengadakan berbagai2 rancangan untuk memberi kesedaran kapada ra'ayat dengan tujuan mereka hidup rukun damai dan ber-

muafakat untuk perpaduan negeri, bahu membahu membina dan mengujudkan kemajuan dan keamanan yang tulin.

Ini dapat dibuktikan dengan jelas kapada siapa jua yang melawat khemah itu sa-chara mendak. Pelawat2 itu akan mendapat sambutan yang muhibbah daripada orang2 tahanan2 itu dan mereka mungkin menyuarakan keselamatan mereka atas perbuatan mengambil bahagian dalam penderhakaan yang tersebut.

Pelawat2 itu juga akan dapat menyaksikan kebahagiaan hidup orang2 tahanan tersebut, kerana mereka itu di-galakkan menjalani latehan rohani dan jasmani. Mereka di-benarkan bermain chariot, musik dan berbabath dalam masa rehat atas sharanan2 yang di-berikan untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam kehidupan ra'ayat yang bebas.

Jelas-lah dengan di-adakan sharanan2 untuk memulihkan kehidupan orang2 tahanan di-Khemah Tahanan Berakas, orang2 tahanan di-situ mendapat pelajaran yang berguna untuk masa depan mereka.

Orang2 tahanan itu juga mendapat ajaran ugama dan nada suara menghadap sa-suatu pelajaran seperti do'a dan rukun2 sembahyang, sering kedengaran dalam khemah itu.

Lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang di-sebutkan tadi ia-lah lawatan sa-chara mendak.

Sa-below melawat ka-bilek2 tidor orang2 tahanan tersebut, Yang Amat Berhormat dan rom-

bongan telah melawat ka-pusat latehan kerja tangan saperti ber-tukang kayu, menjahit, membaiaki jentera2 dan berbagai2 pertukangan tangan untuk bekal mereka sa-lepas di-bebasan nanti.

Di-khemah itu mereka bukan hanya di-beri latehan2 yang tersebut, tetapi juga latehan pertanian yang di-jangka akan mendatangkan faedah kepada mereka. Mereka di-ajar bagaimana mengusahakan tanah yang membuatkan hasil yang memuaskan. Mereka di-galakkan membuat kerja2 itu bukan hanya sa-chara teori tetapi juga sa-chara praktikal.

Semua pelajaran2 dan kerja2 yang di-buat semasa menjalani latehan itu ada-lah semata2 untuk keuntungan atau bekal mereka menjalani hidup yang bahagia dalam masharakat sa-sudah mereka di-bebasan.

Pendek-nya kehidupan orang2 tahanan di-khemah tahanan itu tidak-lah saperti yang di-bisekkan dari mulut ka-mulut, bahkan mereka di-beri layanan yang baik, walau pun mereka telah di-tahan kerana perchubaan haram hendak menggulingkan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bukan hanya melawat dalam arti kata 'lawatan', tetapi lawatan yang penoh dengan kenang2an atas ramah mesra-nya.

Di-sepanjang lawatan itu, Dato Seri Paduka Marsal telah bertemu ramah dengan sa-bahagian orang2 tahanan dan bahan2 perbualan mereka ia-lah mengenai kesah2 kehidupan manusia yang mempunyai tujuan masing2 dalam menempoh hidup di-dunia.

## NASEHAT BERFAEDAH

Dato Seri Paduka Marsal tidak lupa meninggalkan nasehat2 yang berguna bagi panduan masa depan mereka, terutama sekali tugas hidup sa-bagi ra'ayat yang benar2 chinta pada keamanan dan kemakmoran negeri.

Sa-lain dari itu, Dato Seri Paduka Marsal telah juga menyatakan kapada mereka bahwa keamanan dan kemak-

moran negeri hanya dapat dicipta dengan perpaduan ra'ayat bukan-nya dengan perpecahan.

Menurut Dato Seri Paduka Marsal lagi bahawa apa2 jua kemushkilan baik tentang masa'alah yang kecil, apa lagi yang besar, jalan yang baik bagi menyelesaikan sa-suatu perkara itu ia-lah dengan perundingan dan ada-lah tidak bijak mengambil keputusan luar dari perundingan yang sah.

Beliau juga telah menegaskan bahawa kejayaan tidak akan tercapai jika sa-suatu keputusan diambil sa-chara terburu2.

Beliau telah memberi nasehat kapada orang2 tahanan itu supaya memahami tujuan2 dan meletak perhatian atas sa-suatu perkara dengan sa-dalam-nya supaya tidak-lah terdapat pada kita apa yang di-katakan 'keliruan'.



Walau pun demikian, keliruan saling terdapat dan kapada yang merasa diri-nya tersalah jalan balek-lah ka-pangkal dan dengan itu keamanan dan kemakmoran ra'ayat dan negeri ini akan sentiasa terjamin, kerana tugas mengujudkan keamanan dan kemakmoran yang tulin ada-lah terpikul di atas bahu seluruh ra'ayat dan Kerajaan hanya bertugas mentadbir.

Yang paling penting sekali dalam tugas Kerajaan menjalankan pertadbiran ia-lah sokongan daripada ra'ayat untuk mencipta kebahagiaan dan kerukunan hidup antara satu sama lain.

Ra'ayat yang berjaya mengelakkan diri dari apa jua bentuk yang bakal membawa kapada pecah belah, itu-lah yang benar2 insaf dan menyedari tanggong jawab kapada negara dan bangsa-nya.

Pertanyaan2 telah di-kemukakan kapada Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai bila-kah orang2 yang maseh di-tahan itu akan di-bebasan?

Pembebasan orang2 tahanan itu bergantong pada pemerkosaan, penyelidikan yang di-jalankan oleh Kerajaan ka-atas mereka, dan juga atas tingkah laku dan gerak geri mereka dalam tahanan.



Hakim Besar Negeri Brunei, Sir Michael Hogan yang juga menjadi Hakim Besar Hong Kong, telah tiba di-Brunei dari Hong Kong pada 8 September. Beliau telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana pada hari tersebut. Baginda telah mengurniakan Surat Kuasa Lantekan sebagai Hakim Besar Negeri Brunei kapada beliau pada masa itu. Pada pagi 9 September, Sir Michael Hogan telah memeriksa satu Barisan Kehormatan Pulis Brunei dan kemudian menghadiri satu majlis di-Bilek Mahkamah, Bandar Brunei. Dalam gambar kanan kelihatan Sir Michael Hogan memberi ucapan kepada para peguam dan lain2nya di-Bilek Mahkamah, Bandar Brunei. Dalam gambar kiri kelihatan Peguam S.K. Reddy dari Kuching, Sarawak memberi ucapan.

# PERADUAN BAHATH SEKOLAH MELAYU S.M.J.A.:

## Johan: Rumah Bolkiah Naib Johan: Rumah Semaun

BANDAR BRUNEI. — Apakah yang lebuh besar pengaroh di-dapati Wang dan sa-balek-nya, kalau-lah tidak ada Ilmu, bolch-kah kah Ilmu itu di-perolehi?

Demikian-lah telah di-bahath-kan dengan hangat, hebat, tetapi tenteram oleh enam orang penuntut2 Darjah2 Tinggi, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei bahan2 ini.

Perbahathan tersebut, sa-be-nar-nya, ia-lah Peraduan Bahath Perengkat Akhir antara Pasokan2 Rumah2 Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam.

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam peraduan tersebut ia-lah Pasokan Rumah Bolkiah dan Pasokan Rumah Awang Semaun.

Tajok perbahathan tersebut berbunyi, "ILMU itu lebuh besar PENGAROH-NYA daripada WANG".

Penchadang-nya ia-lah Rumah Bolkiah, manakala pembahath-nya ia-lah Rumah Awang Semaun.

Rumah Bolkiah telah di-wakili oleh Awang Abdul Latif Sirat, Awang Jumat Idris dan Awang Ahmad Bunut.

Rumah Awang Semaun telah di-wakili oleh Awang Damit Shamsuddin, Dayang Hatizah Hamzah dan Awang Mohidin Haji Basi.

Hakim2 peraduan perbahathan tersebut ia-lah Chegu Abdul Rashid Aziz, Chegu Awangku Mahmud bin Pengiran Damit dan Chegu Abdul Rahman Wahab.


Awang Mohammed Zain Ariff, telah memimpin majlis perba-

than tersebut sebagai menggantikan Chegu Baharin bin Indin yang telah tidak dapat hadir oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan.

Anggota2 k e d u a 2 pasokan telah menunjukkan kehandalan masing2 "bertikam lidah" dengan bersunggoh2-nya untuk mencapai kemenangan dalam peraduan perbahathan tersebut.

Sunggoh pun hanya sa-orang s a h a j a penuntut perempuan yang mengambil bahagian dalam peraduan perbahathan tersebut, ia-itu Dayang Hatizah Hamzah, akan tetapi hujjah2 yang telah di-kemukakan oleh-nya di-majlis tersebut, semua-nya bermutu tinggi belaka.

Menurut keputusan para hakim, Rumah Bolkiah telah menjadi Johan dalam perbahathan tersebut dengan mendapat sa-jumlah 211 mata dan



Anggota2 Pasukan Rumah Bolkiah yang menjadi Johan dalam Peraduan Bahath antara Rumah2 Sekolah Melayu S.M.J.A. dan anggota2 Rumah Awang Semaun, Naib Johan Peraduan Bahath itu bergambar ramai sa-lepas di-adakan peraduan tersebut. Berdiri nombor dua dari kanan ia-lah Chegu Thani Mohammad, Guru Pengawas Bahath dan Sharahan, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Rumah Awang Semaun telah mendapat gelaran Naib Johan dengan memperolehi sa-banyak 194 mata.

Perisai Rebutan yang di-hadihkan oleh Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam telah di-sampaikan oleh Guru Besar II, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Chegu Pengiran

Umi binti Pengiran Idrus kapada ketua Rumah Bolkiah yang telah menang dalam peraduan perbahathan tersebut.

**CHATETAN:** Empat Pasokan Rumah2 telah mengambil bahagian dalam Peraduan Bahath Antara Rumah2 Sekolah Melayu S.M.J.A. pada tahun ini. Rumah2 itu ia-lah Rumah Bolkiah, Rumah Awang Semaun, Rumah Bendahara Sakam dan Rumah Nakhoda Manis.

Dalam Peraduan Perengkat Sa-paroh Akhir, Rumah Bolkiah telah mengalahkan Rumah Bendahara Sakam. Dalam satu lagi Peraduan Perengkat Sa-paroh Akhir, Rumah Awang Semaun telah mengalahkan Rumah Nakhoda Manis.

Untuk menentukan Kejohanan dalam peraduan tersebut, maka Rumah Bolkiah telah bertemu dengan Rumah Awang Semaun dan keputusan-nya ia-lah sebagaimana yang di-siarkan dalam berita di-muka ini.

## P. P. BUROH DARI U. K. MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Penolong Pe-nasehat Buroh Kerajaan Inggeris bagi kawasan Asia Tenggara, Awang Poppit telah tiba di-Bru-nei dengan kapal terbang pada tengah hari Isnin 7 September untuk menasihatkan Kerajaan Brunei berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan buroh.

Beliau telah di-sambut di-Lapangan Kapal Terbang Brunei oleh Pesuruh Jaya Buroh Negeri

Brunei, Yang Berhormat Pengiran Bahar.

Pada petang hari tersebut Awang Poppit telah menemui Pe-suruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Yang Terutama Awang E.O. Laird.

Awang Poppit telah berkhidmat di-Kementerian Buroh, London sa-belum beliau berkhidmat di-kawasan Asia Tenggara dua belas tahun dahulu.

## KURSUS PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA SA-NEGERI BRUNEI



Kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama Sa-Negeri Brunei, kali yang ke-tiga, telah di-adakan di-Maktab Anthony Ahell, Seria selama 4 hari mulai dari 30 Ogos hingga ka-2 September, 1964 dengan memperolehi kejayaan. Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah merasmikan pembukaan kursus tersebut pada petang 30 Ogos. Dalam gambar atas kelihatan Pegawai2 Ugama yang menghadiri kursus tersebut. Duduk nombor 16 dari kiri in-ah Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin dan di-sa-behul beliau memakai jubah putih ia-lah Mutti Brunei Sahibul Fadhlillah, Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Guru2 Ugama yang telah menghadiri kursus tersebut dan beberapa orang Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei kelihatan dalam gambar bawah.

# KERJA - KERJA KOSONG

## Bidan2 Pelajar

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sebagai Bidan2 Pelajar di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

**Kelayakan2:** Mesti-lah telah lulus sekurang2nya Darjah V Sekolah Melayu, atau yang setaraf dengan-nya, dan mempunyai kebolehan bertutor dalam bahasa Melayu pasar.

Umor pada tarikh di-lantek hendak-lah di-antara 18-40 tahun. Mesti-lah belum kahwin semasa pengambilan.

**Latehan:** Chalon2 yang terpilih akan di-kehendaki menjalani satu kursus latehan selama 2 tahun di-Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Umum, Bandar Brunei.

Sa-telah tamat tempoh latehan selama 6 bulan, bidan2 pelajar yang tidak menjalani kursus dengan menuaskan boleh jadi akan di-berhentikan.

Sekira-nya bidan2 pelajar dapat mengandong semasa menjalani latehan, mereka boleh jadi akan di-berhentikan dari perkhidmatan mereka.

Bidan2 pelajar akan di-kehendaki lulus satu peperekson sa-lepas tamat kursus latehan itu.

## PEGAWAI LUAR

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan sebagai Pegawai Luar di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

**Kelayakan2:** Sekurang2nya lulus Form II di-Sekolah Inggeris dan darjah IV di-Sekolah Melayu.

**Gaji:** Dalam sukan gaji \$211-220x10-260-280-290x20-370-380 x 20-560. Gaji permulaan bergantong kepada kelayakan dan pengalaman.

Pemohon yang berjaya di-kehendaki berkhidmat di-Daerah Belait.

Permohonan2 hendak-lah di-isi di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Oktober, 1964.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

**Umor:** Di-antara 18 dan 25 tahun.

**Tugas2 sa-lepas Latehan:** Sa-lepas lulus dalam peperekson tersebut, mereka mungkin akan bekerja di-bawah jagaan sa-lama satu tahun.

Sa-lepas itu, atau pun sebelumnya, jika perlu, mereka akan di-tempatkan di-klinik2 luar bandar untuk menjalani tugas tetap.

Ini-lah tujuan latehan bidan2 pelajar tersebut; dan semua pemohon2 di-kehendaki menyatakan dalam permohonan atau pun bersama2 permohonan mereka itu, di-kawasan Kampong manakah mereka bersedia untuk menjalani tugas tetap sa-lepas mereka sudah lulus.

Mereka akan bekerja di-klinik2 khas yang di-dirikan untuk mereka, bersama2 dengan tem-

pat kediaman yang elok.

**Tingkatan Gaji:** Bidan Pela-jar—\$152/- sa-bulan; Bidan Ter-lateh — \$183x7-211-220x10-260-280-290-300; Bidan Kanan — \$350-370-380x20-480,

Bidan2 pelajar yang di-lantek di-bawah ranchangan ini ada-lah berhak mendapat pakaian seragam perchuma dan alaon dobi.

Bidan2 terlateh ada-lah berhak di-naikkan pangkat menjadi Bi-dan Kanan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 20 September, 1964.

## Penyelenggara

### Setor

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Penjara, Brunei.

**Gaji:** Dalam sukan gaji E.1-2-3 \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman saperti berikut boleh ditimbangkan:

(a) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan.

(b) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengannya.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2nya 3 tahun dalam kerja setor.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 25 September, 1964.

## ATTENDAN MAKMAL

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei atau mereka yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei untuk memenuhi jawatan Attendant Makmal di-dalam Ran-changan Membasmi Malaria (Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei).

**Kelayakan2:** Mesti-lah pandai bertutur dalam bahasa Melayu dan kebolehan berbahasa Inggeris serba sedikit ada-lah satu keutamaan.

**Tugas2:** Menjaga perkakas dan bekalan makmal supaya berada dalam keadaan yang baik.

Menjalani tugas2 lain seperti di-kehendaki sebagai sa-orang attendan makmal.

**Sukan Gaji:** F.2-3-4-5-6-7 = \$152x3-158-160-180x4-212. E. 2 = \$211-220x10-240.

Gaji permulaan bergantong kepada kelayakan persekolahan dan pengalaman jika ada.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Per-

jawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 22 September, 1964.

## PEON

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan :** Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

**Gaji:** Dalam sukan gaji F.1-2-3-4-5-6 \$143x3-158-160-180 x4-200.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 24 September, 1964.

## PEGAWAI KASTAM

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi dua jawatan kosong sebagai Pegawai Kastam di-Pejabat Kastam, Brunei.

**Kelayakan2:** Lulus Form III atau yang bersamaan di-Sekolah Inggeris.

Chalon2 mesti-lah bersedia untuk memakai uniform, membuat kerja2 malam dan bersedia untuk di-tukarkan ka-mana2 daerah di-negeri ini.

**Umor:** Di-antara 18 dan 25 tahun.

**Gaji:** Dalam tingkatan gaji \$190x7-211-220x10-260-280-290/ EXAM / 310-330-350-380/BAR / 400x20-520/BAR/540x20-560.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 26 September, 1964.

## Posmen2 Di-Temburong

### Dan Bandar Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei untuk memenuhi jawatan posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

**Kelayakan2:** (a) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

(b) Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

**Gaji:** Dalam sukan gaji E.2 F.2-3-4-5-6 \$152x3-158-160-180x4-200/211-220-230-240.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 24 September, 1964.

# Perlumbaan Di-Ayer Bagi Menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 12 jenis perlumbaan di-ayer akan di-adakan di-Temasha Lumba Perahu bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei.

## PERARAKAN LAUT DAN BERCHUCHUL

BANDAR BRUNEI. — Satu perarakan laut bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Sungai Brunei pada 24 September, 1964 mulai pada pukol 7 malam.

Sa-lain dari itu akan di-adakan Peraduan Berchuchul Rumah2 Kampong Ayer selama 4 malam dari 22 September hingga 25 September dari pukol 6.45 malam hingga pukol 12 tengah malam tiap2 malam tersebut.

Peraduan Berchuchul tersebut di-bahagikan kapada 2 bahagian, ia-itu (a) Berchuchul Lampu Minyak Gas dan (b) Berchuchul Lampu Elektrik.

Berhubong dengan peraduan2 tersebut, Pengurus peraduan2 itu, Pengiran Mohamed bin Pengiran Badar menjemput Kampong2, Persatuan2, Gudang2 Perniagaan dan Pejabat2 Kerajaan di-Bandar Brunei mengambil bahagian.

Borang2 masok Peraduan Perarakan Laut boleh-lah di-perolehi dari Pengiran Mohamed bin Pengiran Badar, d/a Ibu Pejabat Perubatan, Bandar Brunei.

## SOKAN DI-TUTONG

TUTONG. — Temasha Sukan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi Daerah Tutong akan di-adakan pada hari Juma'at 25 September.

Borang2 pendaftaran masok boleh-lah di-dapat dari Penghulu2, Ketua2 Kampong, Jabatan2 Kerajaan, Guru2 Besar Sekolah2 Melayu dan China serta Persatuan2 di-Daerah Tutong.

Sa-lain dari itu, akan di-adakan satu perlumbaan khas sejauh 3 batu, terbuka kepada peminat2 sukan di-seluruh Negeri Brunei.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut di-persilakan menghantarkan nama dan alamat mereka dengan saberapa segera kepada Setia Usaha Sukan, Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M., d/a Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Temasha tersebut akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Juma'at 25 September, mulai pada pukol 8 pagi.

Di-antara perlumbaan di-ayer yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah Perlumbaan Perahu Antara Pejabat2 Kerajaan dan Perlumbaan Perahu2 "Outboard Engine".

Jadual perlumbaan tersebut ada-lah saperti berikut :

Lumba 1. Pukol 8 pagi — 1 orang perahu mulai dari Subok.

Lumba 2. Pukol 8.30 pagi — 10 orang perahu mulai dari Ulu Lorong Dalam.

Lumba 3. Pukol 9 pagi — 18 H.P. "Outboard" membawa 2 orang penumpang mulai dari hadapan Tambatan Kastam.

Lumba 4. Pukol 9.30 pagi — 5 orang perahu mulai dari Kampong Pandai Besi.

Lumba 5. Pukol 10 pagi — 15 orang perahu mulai dari Ulu Burong Pingai.

Lumba 6. Pukol 10.30 pagi —

20 orang perahu mulai dari Buang Tekurok.

Lumba 7. Pukol 11.30 pagi — 18 H.P. "Outboard Engine" Asal, mulai dari hadapan Tambatan Kastam.

### REHAT

Lumba 8. Pukol 1.30 petang — 10 orang perahu dari Ulu Lorong Dalam.

Lumba 9. Pukol 2.30 petang — 15 orang perahu dari Ulu Burong Pingai.

Lumba 10. Pukol 3.30 petang — 20 orang perahu mulai dari Buang Tekurok.

Lumba 11. Pukol 4 petang — Perlumbaan antara Pejabat2 Kerajaan mulai dari hadapan "Royal Brunei Yacht Club", Subok.

Lumba 12. Pukol 5 petang — 30 orang perahu mulai dari Kuala Lumapas.

Orang2 dan Pasukan2 yang hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan2 tersebut dipersilakan berhubong tidak lewat dari 20 September, 1964 dengan Awang Mohd. Salleh bin Bungkol, d/a Jabatan Laut, Brunei atau dengan Awang Ang Kim Chan, d/a Pejabat Kastam Di-Raja, Bandar Brunei.

## LUMBA BASIKAL

BANDAR BRUNEI. — Ramai peserta2 telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam Perlumbaan Basikal bagi menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Perlumbaan Basikal itu akan di-adakan di-kawasan Tongkadeh pada 20 September, 1964 mulai pada pukol 8 pagi dan akan di-bahagikan kapada 4 bahagian, ia-itu (a) Orang2 dewasa lelaki yang berumur 40 tahun ka-atas, (b) Senior (lelaki) — berumur

16 tahun ka-atas, (c) Junior (lelaki) — berumur 16 tahun ka-bawah dan (d) Wanita.

Perlumbaan2 untuk pelumba2 lelaki ia-lah sa-jauh 10 batu, iaitu 20 kali pusingan dan perlumbaan untuk pelumba2 wanita ia-lah sa-jauh 5 batu, ia-itu 10 kali pusingan.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar akan menyampaikan hadiah2 kapada pelumba2 yang akan berjaya di-temasha perlumbaan basikal tersebut.

## WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 September hingga ka-hari Rabu 30 September, 1964 ada-lah saperti di-bawah ini :—

Hari Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
16	4.38	4.53	6.11	12.21	3.41	6.26	7.39
17	4.38	4.53	6.11	12.21	3.41	6.25	7.38
18	4.37	4.53	6.10	12.20	3.40	6.25	7.37
19	4.37	4.52	6.10	12.20	3.40	6.24	7.37
20	4.37	4.52	6. 9	12.20	3.39	6.23	7.36
21	4.37	4.52	6. 9	12.19	3.39	6.23	7.36
22	4.37	4.52	6. 9	12.19	3.39	6.23	7.36
23	4.37	4.52	6. 9	12.19	3.39	6.22	7.35
24	4.37	4.52	6. 9	12.19	3.39	6.22	7.35
25	4.37	4.52	6. 9	12.18	3.38	6.21	7.34
26	4.36	4.51	6. 8	12.18	3.38	6.21	7.34
27	4.36	4.51	6. 8	12.18	3.38	6.20	7.33
28	4.36	4.51	6. 6	12.18	3.38	6.20	7.33
29	4.36	4.51	6. 8	12.18	3.38	6.20	7.33
30	4.36	4.51	6. 8	12.18	3.38	6.20	7.33

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hen-ak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## PERTANDINGAN TINJU

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Tinju bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Dewan Kemashakan, Bandar Brunei pada 25 September, 1964 mulai pada pukol 8 malam.

Sebanyak 10 perlawanan akan di-adakan di-temasha tersebut di-antara ahli2 tinju dari Daerah2 Brunei dan Belait.

## Senaman Ramai

## Murid2 Dan Temasha Sukan

BANDAR BRUNEI.—Seramai kira2 1,000 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Melayu dan China di-Bandar Brunei akan menunjokan Senaman Ramai serta berbaris membentuk perkataan "ALLAH SELAMATKAN SULTAN" di-temasha Sukan bagi menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan mulai pada pukol 1.30 petang hari Ahad 27 September, 1964.

Murid2 tersebut ia-lah dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan Sekolah Menengah Chung Hwa.

Perlawanan Sukan tersebut ada-lah terbuka kapada semua penggemar sukan di-Negeri Brunei.

Achara2 yang akan di-jalankan ia-lah semua achara yang biasa di-adakan di-temasha2 Sukan, Persatuan Sukan Amateur Negeri Brunei.

Pemilihan2 untuk peserta2 di-Daerah Brunei, Tutong dan Temburong telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang hari Juma'at 11 September, manakala pemilihan2 untuk peserta2 di-Daerah Belait telah di-adakan di-Gelanggang Sukan Seria pada petang hari Ahad yang lalu.

## Lumba Berjalan Kaki

KUALA BELAIT. — Perlumbaan Berjalan Kaki bagi menyambut Hari Puja Usia D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Daerah Belait akan di-adakan pada 23 September, mulai pada pukol 7.30 pagi.

Perlumbaan untuk peserta2 lelaki ia-lah dari Padang Maktab Anthony Abell, Seria ka-Padang Besar, Kuala Belait dan perlumbaan untuk peserta2 wanita ia-lah dari kawasan "round-about", Batu 4 Jalan Seria/Belait ka-Padang Besar, Kuala Belait.

## 10 ORANG RA'AYAT MALAYSIA DI-KURNIAKAN PINGAT DAN BINTANG2 KEBESARAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Seramai 10 orang ra'ayat Malaysia telah di-kurniakan pingat dan bintang2 kebesaran oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Haji Mohammad telah pun berlepas ka-Kuala Lumpur pada 13 September lepas untuk menyampaikan pingat dan bintang2 tersebut.

Yang Amat Mulia itu telah di-iringi oleh Yang di-Muliakan Pehin Perdana Indera Hj. Zainal dan Yang di-Muliakan Pehin Bendahari Haji Mohd. Taha.

Pingat dan bintang2 itu ia-lah D.P.M.B. (Dato Paduka Mahkota Brunei), lima Pingat Perjuangan, satu Pingat Jasa Perkhidmatan, dan tiga P.O.A.S. (Pingat Omar Ali Saifuddin, Darjah Kedua).

## PASAR GEMBIRA DI-BANGAR

PEKAN BANGAR.— Temasha "Pasar Gembira" akan di-adakan pada tiap2 siang dan malam berturut2 sa-lama tiga hari di-sini mulai 25 September ini sa-bagai salah satu achara bagi merayakan Hari Keputeran D.Y.M.M. tahun ini dalam sambutan Daerah Temburong.

Temasha itu di-dahului dengan peraduan bachaan kitab suchi Al-Koran pada 25 September, mulai jam 4.00 petang.

Pada malam-nya di-adakan pula tarian ronggeng, manakala pasar gembira berjalan terus juga ber tempat di-Padang Bangar.

Pada 26 September, di-adakan upachara "lumba sungai" mulai pada jam 9.00 pagi. Sa-belah petang, mulai jam 4.00 akan di-adakan satu pertunjukan khas — "perlawanan bola sepak beragam", persebahan dari anggota2 pasukan keselamatan dan orang awam.

Pada sa-belah malam, mulai jam 8.00 di-adakan pula Malam Aneka Warna yang akan mengandungi berbagai2 peraduan pentas. Antara-nya termasuklah peraduan2 lawak jenaka, menyanyi, peraduan Ratu Kebaya dan Pakaian Beragam.

Pada hari terakhir di-adakan satu Barisan Kehormatan, dan kemudian-nya di-ikuti dengan pertunjukkan Main Gasing an-

tara pasokan2 dari Limbang dan Temburong.

Pertunjukan wayang gambar di-jangka akan di-adakan pada sa-belah malam-nya.

Sa-panjang hari2 perayaan semua rumah2, kedai2 dan bangunan2 Kerajaan akan berchuchul dan ini akan di-jadikan sebagai peraduan dalam dua bahagian — minyak gas, dan letrik.

## PERAYAAN - PERAYAAN DI - TUTONG

PEKAN TUTONG.—Perayaan2 bagi menyambut Hari Keputeran D.Y.M.M. tahun ini bagi Daerah Tutong di-jangka akan lebih meriah dari tahun2 yang sudah.

Sa-banyak enam buah pintu gerbang di-jangka akan di-dirikan di-sepanjang Jalan Tutong mulai dari Kampong Keriam hingga ka-Pekan Tutong.

Pintu2 gerbang itu akan di-dirikan oleh Pegawai2 dan kakitangan Kerajaan, penduduk2 Tanjong Maya, Danau, dan Telisai, penduduk2 Kampong2 Keriam dan Penanjong, penduduk2 Kampong Panchor Papan, penduduk2 Kampong Panchor Dulit, dan oleh orang2 China.

Pasar Gembira akan mulai di-adakan pada 23 September dan akan berakhir hingga 30 September.

## LOTRI PENGAKAP BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Persatuan Pengakap Negeri Brunei akan menghantarkan beberapa orang Pengakap2 dari negeri ini untuk menghadiri Perkhemahan Pengakap2 Australia yang akan di-adakan di-Victoria beberapa bulan lagi.

Berhubung dengan perkara tersebut Persatuan Pengakap2 Negeri Brunei sedang menjual tiket2 lotri berharga \$1 sa-keping. Pembukaan tiket2 lotri itu akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 29 September.

Hadih pertama ia-lah sa-buah kereta Ford Anglia. Hadih kedua—Tiket kapal terbang perchuma dari Brunei ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei dan tempat tinggal, makanan dan melawat ka-tempat2 di-Hong Kong dengan perchuma selama seminggu. Hadih ketiga—Sa-buah basikal sports jenis Raleigh. Sa-lain dari itu akan di-adakan 48 hadiah2 sagu hati.

DAERAH BELAIT: Seria — 20 September hingga ka-22 September. Pertandingan Awang Seria akan di-adakan di-Padang Maktab Anthony Abell pada malam 21 September. Kuala Belait—23 September hingga ka-28 September.

DAERAH TUTONG: 23 September hingga ka-30 September.

## TERIMA KASEH PARA DERMAWAN

BANDAR BRUNEI.—Pungutan derma untuk tabong Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang telah di-adakan di-Panggong Boon Pang Baharu di-sini pada 6 September lepas telah berjaya memperolehi sa-banyak \$86!.

Memandang dari sambutan yang telah di-berikan oleh orang ramai, ini ada-lah satu kejayaan yang gilang gemilang, dan kerjasama yang telah di-berikan dalam menjayakan pemungutan itu adalah menggalakkkan.

Pehak panggong tersebut telah

mendermakan satu tayangan wa-yang gambar "Prisoner of the Volga" dan sa-belah itu di-adakan pula peraduan twist.

Piala2 untuk pemenang2 tarian itu telah juga di-hadiahkan o'eh para dermawan di-tanah ayer.



Private Mohiddin bin Jamal dari Askar Melayu Brunei kelihatan menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada masa Baginda melawat ka-Kuala Balai pada 1 September, 1964. Di-kiri dalam gambar ini ia-lah Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel D. M. Fletcher.

Barisan Kehormatan akan di-adakan di-sini pada 29 September pada sa-belah pagi, dan selepas itu di-ikuti oleh upacara "lumba laut".

Malam Aneka Warna akan mulai di-adakan pada 26 September dengan berbagai2 sumbang-sangan dari orang2 kampong dan anak2 sekolah, di-depan bangunan Pejabat2 Kerajaan.

Pada malam 27 September

akan di-langsangkan pula Peraduan Bachaan kitab Suchi Al-Koran.

Malam Aneka Warna itu akan di-sambong hingga pada 28 September, dan boleh jadi juga di-adakan pertunjukan wayang gambar.

Semua rumah2 di-jangka akan berchuchul sa-panjang hari2 merayakan Puja Usia Baginda yang ke-48 .

## JADUAL SAMBUTAN HARI JADI D. Y. M. M. DI-SELUROH NEGARA

BANDAR BRUNEI.—Persediaan2 telah pun di-selenggarakan untuk menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-chara besar2an di-seluroh Negeri Brunei dalam bulan ini, saperti berikut:

DAERAH BRUNEI/MUARA: Istiadat Perbarisan akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada pagi 23 September. Kemudian satu istiadat akan di-adakan di-Istana Darul Hana pada pagi hari tersebut. Malam Aneka Warna, Pasar Gembira dan lain2 achara akan di-mulai pada 23 September selama beberapa hari.

DAERAH TEMBURONG: 25 September hingga ka-28 September.

## Pertandingan2 Awang Dan Dayang Brunei

BANDAR BRUNEI.—Pertandingan2 Awang dan Dayang Brunei bagi Tahun 1964 akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 19 September, 1964, mulai pada pukul 7.30 malam.

Pertandingan2 tersebut di-adakan sebagai satu dari achara2 sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sul-

Sementara itu temasha2 tarin me-nari bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 26 September dan pada malam itu juga satu lagi tema-na tarin menari bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia akan di-adakan di-Dewan Shell Recreation Club, Seria.